

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA

PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT** menyatakan :-**

- (a) jenis dan nilai elaun yang diberikan kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) serta jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian untuk pemberian elaun ini; dan
- (b) rancangan-rancangan pembangunan yang disediakan untuk golongan OKU.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan pelbagai skim bantuan khusus untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Jenis dan nilai bantuan/elaun bagi skim bantuan yang dikhususkan untuk OKU adalah seperti berikut:

- 1) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dengan kadar RM200 sebulan.
- 2) Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dengan kadar RM300 sebulan.
- 3) Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM350 sebulan.
- 4) Bantuan Alat Tiruan/Sokongan (BAT)
- 5) Elaun khas bulanan kepada peserta Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dengan kadar RM150 sebulan.

Bagi tahun 2014 sehingga September, peruntukan sebanyak RM323,389,085 juta telah disalurkan kepada 154,315 orang penerima OKU.

b) KPWK M amat prihatin mengenai kesejahteraan dan kebajikan golongan OKU. Dalam hal ini, KPWK M melalui JKM menyediakan pelbagai program pembangunan khas untuk OKU seperti berikut:

- i. Job Coach (JC)
- ii. Disability Equality Training (DET)
- iii. Program Independent Living (IL)
- iv. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
- v. Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi
- vi. Bengkel Terlindung

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**
TARIKH : **20 MEI 2015 [RABU]**
SOALAN : **13**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada rancangan pihak Kementerian menumpukan kepada Program Pengkomersilan Produk R&D mulai tahun 2014 telah berjaya merancakkan aktiviti berkaitan pengkomersilan produk dan inovasi tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah melaksanakan program Tahun Pengkomersilan MOSTI (MCY2014) yang bertindak sebagai pemudahcara untuk memadankan penyelidik dengan usahawan dan bertujuan mengkomersilkan produk-produk R&D. Aktiviti program ini termasuk pembangunan produk, pengukuhan kerjasama strategik dan promosi. Bagi tahun 2014, Kementerian mensasarkan 60 produk tempatan untuk dikomersilkan. Pencapaian Kementerian telah melebihi sasaran tersebut, yang mana 65 produk telah berjaya dikomersilkan, merangkumi bidang sains perubatan,

bioteknologi dan teknologi maklumat (ICT) melalui penubuhan syarikat baru, pemindahan teknologi, penjualan IP dan juga penjualan produk dan perkhidmatan. Antara contoh-contoh produk yang telah berjaya dikomersilkan adalah produk perubatan iaitu graf tulang sintetik berasaskan batu kapur untuk kegunaan pakar ortopedik, dengan jenama *GranuMas*; produk bioteknologi iaitu penghasilan baja organik bernutrien tinggi daripada hampas padi, dengan jenama *DeComp Bio-Plus*; komputer riba berjenama *Magic Zlate II* dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memfokuskan kepada *Research, Development, Innovation & Commercialisation* (RDIC) di bawah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) untuk meningkatkan pendapatan negara melalui penciptaan inovasi, sains dan teknologi. Ini juga selaras dengan Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 2010-2020 yang menggalakkan aktiviti pengkomersilan dan inovasi tempatan serta disokong melalui jalinan kerjasama strategik di antara jentera-jentera Kerajaan. Contohnya ialah kerjasama strategik di antara SIRIM Berhad dengan peneraju badan penyelidikan terkemuka Eropah iaitu Institut Fraunhofer Gesellschaft (Fraunhofer). Kerjasama strategik ini bertujuan mengukuhkan pembangunan sektor PKS dalam pengkomersilan, peningkatan perniagaan dan teknologi termaju yang bakal menyumbang kepada pendapatan negara.

MOSTI melalui *Malaysian Biotechnology Corporation* (BiotechCorp) telah memperkenalkan perniagaan runcit BioShoppe bagi membantu syarikat-syarikat PKS khususnya syarikat bioteknologi berstatus BioNexus untuk

memperkenalkan dan memasarkan produk-produk R&D bioteknologi tempatan. MOSTI juga sedang menyertai Ekspo Milano 2015 di Milan, Itali. Penyertaan dalam ekspo ini yang dijangka akan dihadiri oleh lebih 20 juta pengunjung akan membuka peluang untuk mengembangkan lagi perniagaan runcit BioShoppe melalui peluang *business-matching* di antara pemilik-pemilik produk BioShoppe dengan pihak industri di negara-negara Eropah dan seterusnya mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat antarabangsa.

Saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk turut membantu mempromosikan dan menjayakan program pengkomersilan yang dianjurkan oleh Kementerian. Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari <http://mcy.mosti.gov.my> yang menyenaraikan produk dan perkhidmatan yang berpotensi untuk dikomersilkan hasil penyelidikan teknologi tempatan.

Sekian, terima kasih.